

Bil. S 6

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (AKTA IMIGRESEN) (PINDAAN), 1998

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

Gelaran. 1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Akta Imigresen) (Pindaan), 1998.

Pindaan bab 2 dari Penggal 17. 2. Bab 2 dari Akta Imigresen, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta tersebut, adalah dipinda dengan memasukkan takrifan baru yang berikut sejurus selepas takrifan "krew" –

" 'menggaji' bermakna mengambil atau menggunakan perkhidmatan mana-mana orang, sama ada di bawah suatu kontrak perkhidmatan ataupun sebaliknya, dengan atau tanpa ganjaran ;".

Pindaan bab 6. 3. Ceraian (3) bab 6 dari Akta tersebut adalah dipinda –

(a) dengan memotong noktah dan menggantikannya dengan "dan –"; dan

(a) dengan menambah dua perenggan baru yang berikut –

"(a) dalam hal suatu kesalahan di bawah ceraian (1), hendaklah apabila sabit kesalahan dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak kurang dari 3 bulan dan tidak melebihi dari 2 tahun dan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$6,000 ;

(b) dalam hal suatu kesalahan di bawah ceraian (2), hendaklah apabila sabit kesalahan dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$4,000 atau kedua-duanya sekali."

Pindaan bab 15. 4. Ceraian (2) bab 15 dari Akta tersebut adalah dipinda –

(a) dengan memotong noktah dan menggantikannya dengan "dan –"; dan

(b) dengan menambah dua perenggan baru yang berikut –

“(a) sekiranya dia tinggal dengan menyalahi undang-undang selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 90 hari, hendaklah apabila sabit kesalahan dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 6 bulan atau dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$4,000 atau kedua-duanya sekali ;

(b) sekiranya dia tinggal dengan menyalahi undang-undang selama suatu tempoh yang melebihi dari 90 hari, hendaklah apabila sabit kesalahan dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak kurang dari 3 bulan dan tidak melebihi dari 2 tahun atau dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$6,000 atau kedua-duanya sekali.”.

5. Bab 38 dari Akta tersebut adalah dipinda –

Pindaan bab 38.

(a) dengan memasukkan “(1)” sejurus sebelum “Tiap-tiap” dalam baris pertama ; dan

(b) dengan menambah ceraiian baru yang berikut –

“(2) Tiap-tiap Pegawai Imigresen hendaklah mendapat kebenaran untuk hadir dalam mahkamah dan menjalankan sebarang pendakwaan berkaitan dengan sebarang kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturannya.”.

6. Bab 55 dari Akta tersebut adalah dipinda –

Pindaan bab 55.

(a) dengan memasukkan “(1)” sejurus sebelum “Mana-mana” dalam baris pertama ; dan

(b) dengan menambah sembilan ceraiian baru yang berikut –

“(2) Jika suatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini dan kesalahan tersebut terbukti telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan oleh sebarang perbuatan atau keingkaran di pihak, seseorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang serupa pertubuhan perbadanan itu, atau seseorang yang dikatakan bertindak atas sebarang jawatan tersebut, dia, dan juga pertubuhan perbadanan itu, adalah juga melakukan kesalahan tersebut dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

(3) Jika suatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini suatu tempoh hukuman penjara mandatori ditetapkan bagi kesalahan itu, pertubuhan perbadanan tersebut hendaklah, sebagai ganti hukuman penjara, apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak kurang dari \$30,000 dan tidak melebihi dari \$100,000.

(4) Jika dalam sebarang prosiding di bawah Akta ini atau peraturan-peraturannya terbukti bahawa defendan gagal menunjukkan apabila diminta oleh seseorang Pegawai Imigresen atau seseorang pegawai polis –

- (a) sebarang permit, pas atau perakuan yang sah yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta ini atau peraturan-peraturannya ;
- (b) sebarang dokumen lain yang diterima oleh Pengarah sebagai keterangan bahawa defendan telah memasuki atau tinggal di Negara Brunei Darussalam secara sah ; atau
- (c) sebarang keterangan lain yang menunjukkan sehingga memuaskan hati Pengarah bahawa defendan adalah dikecualikan dari ceraian (1) bab 6,

adalah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa dia telah, mengikut mana yang berkenaan, memasuki atau memasuki semula atau tinggal di Negara Brunei Darussalam dengan menyalahi undang-undang.

(5) Jika dalam sebarang prosiding atas suatu kesalahan di bawah perenggan (c) ceraian (1), terbukti bahawa defendan telah membawa mana-mana pendatang yang dilarang masuk di dalam sebarang kenderaan, kapal atau pesawat udara, adalah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa dia menciburkan diri dalam perniagaan atau perdagangan membawa ke Negara Brunei Darussalam di dalam atau di atas kenderaan, kapal atau pesawat udara tersebut pendatang yang dilarang masuk itu dengan mengetahuinya sebagai, atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayainya sebagai, pendatang yang dilarang masuk.

(6) Jika dalam sebarang prosiding atas suatu kesalahan di bawah perenggan (d) ceraian (1), terbukti bahawa defendan telah memberi perlindungan kepada mana-mana orang yang tinggal di Negara Brunei Darussalam dengan menyalahi undang-undang selama suatu tempoh yang melebihi dari 90 hari selepas tamat tempoh sebarang pas yang dikeluarkan

kepadanya atau yang telah memasuki Negara Brunei Darussalam dengan melanggar cerai (1) bab 5 atau cerai (1) bab 6, adalah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa defendan telah melindunginya dengan mengetahuinya sebagai orang yang telah bertindak dengan melanggar syarat-syarat Akta ini atau peraturan-peraturannya.

(7) Jika seseorang pesalah imigresen dijumpai di mana-mana bangunan atau tempat, selain dari bangunan yang hanya digunakan bagi tujuan kediaman, penghuni bangunan atau tempat itu hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah menggajinya dengan mengetahui bahawa dia adalah pesalah imigresen.

(8) Dalam sebarang prosiding atas suatu kesalahan di bawah perenggan-perenggan (d) atau (e) cerai (1), tidaklah menjadi suatu pembelaan bagi defendan untuk membuktikan bahawa orang yang dilindungi atau digaji olehnya memiliki suatu pas atau permit yang dikeluarkan kepada orang itu di bawah Akta ini atau peraturan-peraturannya melainkan jika defendan membuktikan selanjutnya bahawa dia telah menjalankan usaha yang sewajarnya untuk memastikan bahawa pas atau permit itu adalah sah pada masa yang mustahak di bawah Akta ini atau peraturan-peraturannya.

(9) Bagi maksud cerai (8), defendan hendaklah tidak dianggap telah menjalankan usaha yang sewajarnya melainkan jika dia sendiri telah memeriksa pasport atau dokumen perjalanan lain orang yang telah dilindungi atau digajinya dan mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa –

- (a) orang yang dilindungi atau digaji olehnya, pada masa yang mustahak, mempunyai suatu pas atau permit yang berkuatkuasa yang dikeluarkan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturannya ; dan
- (b) jika orang itu adalah pemegang suatu pas lawatan, orang itu telah, pada masa yang mustahak, mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pengarah untuk bekerja di Negara Brunei Darussalam.

(10) Dalam bab ini dan bab 55B, “pesalah imigresen” bermakna seseorang yang telah bertindak dengan melanggar syarat-syarat bab 6, 15 atau 36 atau peraturan-peraturannya.”.

Pemasukan
bab-bab 55A
dan 55B
yang baru.

7. Akta tersebut adalah dipinda dengan memasukkan dua bab baru yang berikut sejurus selepas bab 55 –

“Kesalahan-
kesalahan yang
dilakukan oleh
pemilik dan
penyewa, dll.

55A. (1) Tiada sesiapa pun sebagai pemilik, penyewa atau penghuni sebarang bangunan atau tempat yang disebutkan dalam ceraian (7) bab 55 boleh dengan mengetahui membenarkan atau membiarkan bangunan atau tempat itu atau mana-mana bahagiannya untuk dipakai atau digunakan sebagai suatu tempat atau bangunan di mana-mana orang digaji dengan melanggar perenggan (e) ceraian (1) bab 55.

(2) Mana-mana orang yang melanggar ceraian (1) adalah melakukan kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak kurang dari 6 bulan dan tidak melebihi dari 2 tahun dan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$6,000.

Larangan bagi
pesalah
imigresen
untuk
memasuki
atau
tinggal
di tempat
kerja.

55B. (1) Penghuni suatu tempat kerja yang mengawal kemasukan ke tempat kerja itu tidaklah boleh membenarkan mana-mana pesalah imigresen untuk memasuki dan tinggal di tempat kerja itu.

(2) Jika seseorang pesalah imigresen dijumpai di suatu tempat kerja, adalah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa penghuni tempat kerja itu –

(a) mengawal kemasukan ke tempat kerja itu ;

(b) telah membenarkan pesalah imigresen tersebut untuk memasuki atau tinggal di tempat kerja itu ; dan

(c) telah mengetahui bahawa dia adalah seorang pesalah imigresen.

(3) Anggapan yang dipersyaratkan dalam perenggan-perenggan (b) dan (c) ceraian 2 tidaklah boleh dipatahkan melainkan jika defendan membuktikan bahawa dia telah menjalankan usaha yang sewajarnya untuk menghalang pesalah imigresen tersebut dari memasuki atau tinggal di tempat kerja itu.

(4) Bagi maksud-maksud ceraian (3), defendan hendaklah tidak dianggap telah menjalankan usaha yang sewajarnya melainkan jika dia telah mengambil semua langkah yang munasabah untuk menghalang mana-mana

pesalah imigresen dari memasuki atau tinggal di tempat kerja itu, termasuk semua langkah yang ditetapkan di bawah cerai (5) berkaitan dengan tempat kerja itu.

(5) Bagi maksud-maksud cerai (4), Menteri boleh, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, menetapkan langkah-langkah yang dikehendaki untuk diambil oleh penghuni suatu tempat bekerja.

(6) Mana-mana orang yang melanggar cerai (1) adalah melakukan kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau dikenakan suatu denda yang tidak kurang dari \$6,000 dan tidak melebihi dari \$12,000 atau kedua-duanya sekali bagi setiap pesalah imigresen yang dijumpai di tempat kerja itu, dan dalam hal penyabit kesalahan yang kedua atau berikutnya, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 2 tahun atau dikenakan suatu denda yang tidak kurang dari \$12,000 dan tidak melebihi dari \$24,000 atau kedua-duanya sekali bagi setiap pesalah imigresen yang dijumpai di tempat kerja itu.

(7) Dalam bab ini –

“kerja pembinaan” bermakna pembinaan, pembinaan semula, penyenggaraan, pembaikan, pengubahan, atau perobohan mana-mana bangunan, pelabuhan, limbungan, dermaga, tali air, pembetung, saliran, perigi, pemasangan telegrafik atau telefonik, perusahaan elektrik, kerja gas, kerja air atau kerja pembinaan yang lain, dan juga persediaan bagi atau perletakan asas sebarang kerja atau struktur tersebut ;

“penghuni”, berkenaan dengan suatu tempat kerja, bermakna kontraktor utama yang menjalankan sebarang kerja pembinaan di tempat kerja itu dan termasuk orang lain sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh Menteri, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, sebagai penghuni tempat kerja itu ;

“kontraktor utama” bermakna seseorang yang telah membuat suatu kontrak dengan pemilik, pemaju atau penerima pajak suatu harta atau

wakilnya bagi tujuan untuk menjalankan sebarang kerja pembinaan ke atas harta tersebut.

“tempat kerja” bermakna mana-mana tempat atau bangunan di mana sebarang kerja pembinaan dijalankan dan termasuk –

- (a) semua tanah di dalam kawasan tempat kerja itu yang dimiliki oleh orang yang baginya kerja pembinaan itu dijalankan dan di mana kontraktor utama mengawal kemasukan ;
- (b) mana-mana kantin, tempat tidur, pejabat dan struktur atau bangunan lain yang didirikan di tempat kerja itu ; dan
- (c) tempat atau bangunan lain sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh Menteri, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, sebagai suatu tempat kerja.”.

Diperbuat pada hari ini 27 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1418 bersamaan dengan 26 haribulan Mac, Tahun Masihi 1998 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM